

TERMA & SYARAT PERADUAN

Penganjur & Tempoh Peraduan

1. PERADUAN F&N LEBIH NILAI LEBIH JIMAT DI **AEON** (“Peraduan”) dianjurkan oleh F&N Beverages Marketing Sdn. Bhd. (“Penganjur”).
2. Peraduan ini dibuka kepada semua rakyat Malaysia berusia 18 tahun dan ke atas pada 16/08/2021 kecuali kakitangan serta anggota keluarga terdekat, syarikat gabungan, anak syarikat, agensi pengiklanan/Perhubungan Awam dan pembekal Penganjur.
3. Peraduan bermula dari 00:00:00, 16/08/2021 dan berakhir pada 23:59:59, 15/10/2021 (“Tempoh Peraduan”). Penganjur berhak untuk menukar, membatalkan, menamatkan atau menggantung Peraduan pada bila-bila masa dalam Tempoh Peraduan tanpa memberikan notis terlebih dahulu.
4. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan oleh Penganjur tidak memberi hak kepada peserta untuk membuat sebarang tuntutan atau menerima pampasan daripada Penganjur bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami atau kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh peserta sama ada secara langsung dan/atau tidak langsung yang timbul daripada atau berhubung dengan pembatalan, penamatan atau penggantungan Peraduan oleh Penganjur.

Kriteria Kelayakan & Penghantaran Penyertaan

5. Pembelian minima sebanyak **RM15 (Ringgit Malaysia Lima Belas)** mana-mana produk Minuman F&N, Tenuku dan/atau Sejuk Dingin (“Produk”) dalam satu resit dari mana-mana outlet **AEON** semasa Tempoh Promosi (“Resit”) akan melayakkan anda untuk menyertai Peraduan. Penganjur akan memperuntukkan satu (1) peluang kemenangan untuk setiap jumlah pembelian Produk RM15 (Ringgit Malaysia Lima Belas) (rujuk Fasal 12).
6. Resit boleh didapati dalam bentuk resit bercetak dari sistem point of sale Resit mesti mengandungi pembelian Produk, tarikh pembelian, jumlah pembelian, nombor resit dan nama dan/atau logo outlet (“Butiran Resit”).
7. Kaedah penyertaan adalah melalui WhastApp sahaja. **Setiap Resit HANYA layak untuk satu [1] penyertaan melalui WhatsApp**. Penganjur berhak membatalkan penyertaan mana-mana penyertaan WhatsApp dengan Resit yang berulang.
8. Langkah-langkah penyertaan WhatsApp:
 - a. Tulis di depan Resit nama penuh anda seperti di MyKad dan nombor MyKad (“Butiran Peribadi”).
 - b. Tangkap 1 (satu) gambar/imej yang jelas dan boleh dibaca 1 (satu) Resit lengkap dengan Butiran Peribadi dan Butiran Resit anda (“Imej”). Butiran Resit mesti diunjukkan dengan jelas dan boleh dibaca dalam Imej tersebut.
 - c. Hantar 1 (satu) Imej melalui WhatsApp dari mana-mana nombor berdaftar di Malaysia ke **6018-228 3803** (“Penyertaan”).

- d. Penganjur AKAN auto-balas dengan menghantar mesej perakuan penerimaan untuk setiap Penyertaan yang diterima.
9. Penganjur akan mengekstrak semua Penyertaan yang diterima untuk proses selanjutnya. Penyertaan yang tidak jelas, tidak dapat dibaca dan tidak lengkap akan dibatalkan. Semua penyertaan yang diterima tertakluk kepada pengesahan Penganjur. Penganjur berhak secara mutlak untuk membatalkan penyertaan yang tidak lengkap dan/atau dengan gambar/imej yang tidak jelas dan tidak boleh dibaca, Resit dicetak semula dan/atau Resit berulang dan/atau mengandungi lebih dari 1 (satu) Resit dan/atau Penyertaan yang lewat diterima (iaitu penyertaan yang diterima selepas **23:59:59, 15/10/2021**) tanpa perlu memberikan notis terlebih dahulu kepada mana-mana pihak.
10. Penganjur berhak untuk meminta Resit asal [salinan cetak] sebagai bukti untuk pengesahan dan penebusan hadiah. Kegagalan untuk mengemukakan salinan cetak Resit apabila diminta akan mengakibatkan kehilangan kelayakan dan pembatalan hadiah.
11. Penganjur berhak untuk membatalkan penyertaan mereka sekiranya Peserta tidak mematuhi Terma & Syarat Peraduan.
12. Semua Penyertaan yang Layak ("Penyertaan Layak") dan diterima oleh Penganjur semasa Tempoh Peraduan akan diberikan 1 (satu) nombor bersiri untuk setiap jumlah pembelian Produk RM15 (Ringgit Malaysia Lima Belas). Satu set nombor bersiri akan diperuntukkan untuk Penyertaan Layak bermula dari nombor bersiri "1".

Hadiah-Hadiah

13. Terdapat sejumlah 20 (dua puluh) Hadiah Utama dan seratus (100) Hadiah Sagu Hati untuk dimenangi sepanjang Tempoh Peraduan. Hadiah-hadiah tersebut adalah:
- 20 (Dua puluh) Hadiah Utama berupa RM1,000 Touch 'n Go eWallet setiap satu;
 - 100 (Seratus) Hadiah Sagu Hati berupa RM100 Touch 'n Go eWallet setiap satu.
14. Hadiah Utama: Nombor bersiri yang diperuntukkan bagi Penyertaan Layak sepanjang Tempoh Peraduan akan disusun kira yang kemudiannya akan dibahagikan dengan 20 (dua puluh) untuk mendapatkan nombor bersiri kemenangan bagi Hadiah Utama. Jika nombor mempunyai nilai perpuluhan, nombor bersiri kemenangan akan dibundarkan ke bawah kepada nombor bulat paling dekat, lebih rendah yang dihasilkan daripada pembahagian tersebut.
Sebagai contoh: Jika jumlah nombor bersiri Penyertaan Layak berjumlah 10005, maka 10005 akan dibahagikan dengan 20, yang bersamaan dengan 500.25 yang akan dibundarkan ke bawah kepada 500. Nombor pengganda dalam kes ini ialah 500. 20 (Dua puluh) Penyertaan Layak yang ditetapkan nombor bersiri dengan gandaan 500 iaitu: 500, 1000, 1500, 2000 dan seterusnya akan menjadi finalis terpilih untuk Hadiah Utama.
15. Hadiah Sagu Hati: Nombor bersiri yang diperuntukkan bagi Penyertaan Layak sepanjang Tempoh Peraduan akan disusun kira yang kemudiannya akan dibahagikan dengan 100 (seratus) untuk mendapatkan nombor bersiri kemenangan bagi Hadiah Sagu Hati. Jika nombor mempunyai nilai perpuluhan, nombor bersiri kemenangan akan dibundarkan ke bawah kepada nombor bulat paling dekat, lebih rendah yang dihasilkan daripada pembahagian tersebut.
Sebagai contoh: Jika jumlah nombor bersiri Penyertaan Layak berjumlah 10005, maka 10005 akan dibahagikan dengan 100 yang bersamaan dengan 100.05 yang akan dibundarkan ke bawah kepada 100.

Nombor pengganda dalam kes ini ialah 100. 100 (Seratus) Penyertaan Layak yang ditetapkan nombor bersiri dengan gandaan 100 iaitu 100, 200, 300, 400, 500, 600 dan seterusnya akan menjadi finalis terpilih untuk Hadiah Sagu Hati.

Penebusan Hadiah

16. Pihak Penganjur akan menghubungi semua Finalis melalui WhatsApp ke nombor mudah alih yang diterima Penganjur dalam Penyertaan Layak. Setiap Finalis terpilih akan diberi 1 (satu) soalan untuk dijawab melalui WhatsApp. Finalis terpilih mesti menjawab soalan yang disiarkan oleh Penganjur dengan betul untuk memenangi Hadiah. Sekiranya Finalis terpilih gagal menjawab soalan yang disiarkan oleh Penganjur dalam masa yang dinyatakan dalam WhatsApp, Finalis terpilih akan hilang kelayakan dan digantikan oleh Finalis nombor bersiri seterusnya selepas nombor bersiri Finalis yang telah hilang kelayakan tersebut.
17. Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya Finalis terpilih tidak dapat dihubungi atas apa jua sebab.
18. Penganjur akan meminta Pemenang untuk menghantar melalui WhatsApp Nama Penuh, Nombor MyKad dan Alamat Penghantaran mereka untuk tujuan pengenalan dan pengesahan selanjutnya.
19. Setiap peserta hanya boleh memenangi 1 (satu) Hadiah dengan nilai tertinggi sepanjang Tempoh Peraduan.
20. Semua hadiah akan dihantar kepada pemenang dalam tempoh 6 - 8 minggu dari 15/10/2021 ke Alamat Penghantaran yang diberikan oleh pemenang melalui WhatsApp. Penganjur berhak untuk melanjutkan tempoh masa yang dinyatakan di bawah fasal ini diatas sebab-sebab yang di luar kawalan Penganjur.
21. Pemenang mesti mematuhi terma & syarat pihak yang mengatur dan/atau menyediakan hadiah. Penganjur berhak untuk menarik balik Hadiah mereka sekiranya Pemenang tidak mematuhi Terma & Syarat Peraduan dan Terma dan Syarat Hadiah.
22. Iklan Pengumuman Pemenang akan dipaparkan di laman web www.100plus.com.my

Liabiliti & Tanggungjawab

23. Gambar hadiah yang ditunjukkan pada bahan Peraduan hanya untuk ilustrasi sahaja. Hadiah sebenar mungkin berbeza. Hadiah tidak boleh dipindah milik dan tertakluk kepada Terma & Syarat Hadiah yang akan disertakan dengan hadiah dan dinyatakan dalam surat pengakuan pemenang. Nilai hadiah adalah betul pada masa pencetakan.
24. Pemenang dan/atau warisnya hendaklah bertanggungjawab dan menanggung liabiliti sepenuhnya jika berlaku sebarang liabiliti, kejadian yang tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kehilangan nyawa) akibat mengambil bahagian dalam Peraduan, menuntut dan/atau menggunakan Hadiah dan bersetuju untuk melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur daripada sebarang liabiliti.
25. Semua kos pengangkutan, penginapan, kos peribadi dan/atau sebarang kos lain, yuran dan/atau perbelanjaan yang berkaitan untuk menyertai Peraduan dan menuntut Hadiah adalah tanggungjawab pemenang sepenuhnya.

Notis di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010

26. Notis bertulis (“Notis”) ini bertujuan untuk memaklumkan anda bahawa data peribadi anda diproses oleh atau bagi pihak F&N Beverages Marketing Sdn Bhd (“F&N” atau “kami”). Tambahan lagi, dengan mengemukakan penyertaan dalam Peraduan ini, anda dengan ini mengizinkan pemprosesan data peribadi anda oleh F&N dengan cara yang dinyatakan dalam Notis ini. Kami akan memproses data peribadi yang telah anda berikan kepada kami seperti nama, nombor kad pengenalan peribadi, nombor hubungan, alamat dan maklumat lain yang kami hendak dari anda dalam penyertaan Peraduan ini. F&N akan memproses data peribadi anda, termasuk sebarang maklumat tambahan yang mungkin anda berikan kepada F&N, untuk tujuan mengendalikan peraduan dan menghubungi anda (jika perlu).
27. Data peribadi yang anda berikan kepada kami boleh didedahkan kepada penyedia perkhidmatan kami hanya untuk tujuan yang disebutkan di atas. Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa data peribadi yang anda berikan kepada kami adalah tepat, lengkap dan tidak mengelirukan dan bahawa data peribadi tersebut dikemas kini. Anda boleh mengakses dan meminta pembetulan data peribadi anda atau menghadkan pemprosesan data peribadi anda, atau membuat pertanyaan atau aduan berkaitan data peribadi dengan menghantar e-mel ke penyedia perkhidmatan di pdpa@omnitem.com.my. Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia Notis ini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai berbanding versi Bahasa Malaysia.

Hak Penganjur

28. Penganjur berhak untuk menukar, membatalkan, menamatkan dan/atau menggantung Hadiah, tanpa perlu memberikan notis terlebih dahulu. Penganjur berhak atas budi bicara mutlaknya untuk menggantikan mana-mana Hadiah dengan barangan lain yang sama nilainya, pada bila-bila masa, tanpa memberikan sebarang notis terlebih dahulu. Semua Hadiah dituntut dalam keadaan “sedia ada” dan tidak boleh ditukarkan dengan kredit atau barangan lain atau baucar sama ada secara sebahagiannya atau sepenuhnya.
29. Keputusan Penganjur dalam semua perkara berkaitan Peraduan adalah mutakhir, muktamad dan mengikat. Tiada surat-menyurat akan dilayan.
30. Penyertaan dalam Peraduan ini dan penerimaan sebarang hadiah menandakan kebenaran yang tidak boleh dibatalkan (melainkan dimaklumkan sebaliknya oleh Peserta) kepada Penganjur untuk menggunakan nama dan gambar Peserta untuk tujuan publisiti dan pengiklanan tanpa sebarang pampasan mahupun perlu memberikan notis kepada peserta terlebih dahulu.
31. Penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya hadiah hilang, rosak, cacat atau dicuri semasa dan selepas kutipan hadiah. Semua Peserta bersetuju secara tidak bersyarat untuk menanggung liabiliti penuh dan bertanggungjawab sepenuhnya setakat dibenarkan undang-undang sekiranya berlaku sebarang kerugian, kejadian tidak diingini, kecederaan, ganti rugi, tuntutan, atau kemalangan (termasuk kehilangan nyawa) yang dialami akibat daripada penyertaan mereka dalam Peraduan ini, penebusan dan atau penggunaan Hadiah.
32. Dengan menyertai Peraduan ini, peserta dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma & Syarat ini dan menerima bahawa semua keputusan yang dibuat oleh Penganjur adalah muktamad dan mengikat. Penganjur berhak untuk menukar, meminda, menambah atau menggugurkan mana-mana Terma & Syarat ini pada bila-bila masa tanpa memberi notis kepada peserta dan peserta hendaklah terikat kepada perubahan sedemikian.
33. Terma & Syarat Peraduan ini disediakan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat percanggahan antara semua versi yang disediakan, versi Bahasa Inggeris Terma dan Syarat Peraduan di www.100plus.com.my akan diguna pakai.
34. Untuk pertanyaan lanjut mengenai Peraduan, sila hubungi talian Peraduan di: 03-7880 8527 atau kunjungi laman web www.100plus.com.my.